

SOALAN NO: 385

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA

TARIKH: -

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan melakukan kajian khusus akan keperluan pekerjaan dalam negara yang tidak mencukupi diisi rakyat tempatan sehinggakan terpaksa mengambil jutaan pekerja asing untuk bekerja dalam negara.

PR-1341-T73099

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 – 2020), jumlah guna tenaga dijangka bertambah pada kadar 2.1% setahun. Oleh itu, dianggarkan jumlah gunatenaga di Malaysia akan mencapai 15.7 juta orang menjelang tahun 2020. Berdasarkan unjuran tersebut, negara mampu menyediakan tenaga kerja tempatan sebanyak 85%. Oleh itu, negara memerlukan sebanyak kira-kira 15% tenaga kerja asing menjelang tahun 2020. Pada masa ini, 17% daripada guna tenaga adakah pekerja asing.

2. Kajian Bank Dunia 2015 telah menunjukkan bahawa penggajian pekerja asing bukanlah pengganti kepada pekerja tempatan dalam pekerjaan. Pekerja asing hanya mengisi jawatan-jawatan yang tidak diminati dan tidak diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan untuk penggajian pekerja asing.

3. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada lima (5) sektor formal iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu sektor informal iaitu pekhidmat domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan. Kerajaan juga sedang menjalankan kajian khusus mengenai keperluan guna tenaga industri dalam ekonomi negara.